



## SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN

---

### KELULUSAN PENGECCUALIAN CUKAI YAYASAN PENDIDIKAN TARC

---

Kementerian Kewangan (MOF) ingin menjelaskan bahawa dakwaan kononnya Kerajaan memungkiri janji berhubung pengecualian cukai Yayasan Pendidikan TARC adalah tidak benar.

Selaras dengan pengumuman YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, mulai 27 November 2025, **kelulusan pengecualian cukai bagi institusi, organisasi atau tabung kebajikan yang layak boleh diberikan untuk tempoh maksimum sepuluh tahun di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.**

Namun, **kelulusan tersebut bukan secara automatik.** Ia tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan di bawah undang-undang percukaian.

Kerajaan menghargai dan mengiktiraf peranan TARC Education Foundation atau Yayasan Pendidikan TARC dalam menyediakan pendidikan tinggi swasta yang berkualiti dan mampu milik kepada rakyat Malaysia.

Bagi permohonan Yayasan Pendidikan TARC untuk melanjutkan pengecualian cukai di bawah subseksyen 44(6) selepas kelulusan sedia ada tamat pada tahun 2025, **semakan mendapati terdapat beberapa syarat yang masih belum dipenuhi sepenuhnya.** Ini termasuk pengukuhan tadbir urus dan pengurusan derma yang perlu diperbaiki Yayasan Pendidikan TARC.

Mengambil kira peranan penting Yayasan Pendidikan TARC dalam sektor pendidikan, **Kerajaan telah mengambil pendekatan berhemah dengan memberi lanjutan pengecualian cukai sementara secara interim selama tiga tahun.**

Tempoh lanjutan ini memastikan kedudukan pengecualian cukai Yayasan Pendidikan TARC kekal sementara tindakan pematuhan syarat dimuktamadkan. MOF sedia membantu memudahcara Yayasan Pendidikan TARC dalam usaha penambahbaikannya.

**Sekiranya semua syarat dipenuhi,** Yayasan Pendidikan TARC layak untuk mendapat kelulusan pengecualian cukai bagi tempoh penuh sepuluh tahun, selaras dengan pengumuman Kerajaan.

Justeru, isu ini tidak seharusnya diputarbelitkan. Kerajaan kekal komited terhadap sokongan kepada pendidikan, termasuk peranan Yayasan Pendidikan TARC, namun semua kelulusan cukai mesti dibuat mengikut undang-undang, syarat pematuhan dan prinsip tatakelola yang baik.

**Kementerian Kewangan**

Putrajaya

6 Julai 2026